

Contohi Arab Saudi cekap, proaktif buat keputusan pelaburan

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa penjawat awam dan syarikat berkaitan kerajaan mencontohi Arab Saudi yang proaktif dan cekap dalam membuat keputusan meluluskan pelaburan.

Berkongsi pengalamannya ketika lawatan rasmi ke Riyadh baru-baru ini, Perdana Menteri memuji kecekapan Arab Saudi dalam menguruskan perkara berkaitan pelaburan sehingga melonjakkan negara berkenaan dari sudut ekonomi.

Beliau berkata, kecekapan itu disaksikannya sendiri ketika perjumpaan dengan syarikat Acwa Power (ACWA) bersama Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan serta pegawai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

“Dari segi perubahan kecekapan, Arab Saudi yang dahulunya antara negara yang lembab.

“Pada perjumpaan baru-baru ini dengan syarikat ACWA sekitar jam 9 ke 9.30 pagi, mereka beritahu minat mereka (untuk melabur) dan saya turut menyatakan komitmen.

“Oleh kerana ini syarikat berkaitan kerajaan, mereka perlukan persetujuan muktamad daripada Perdana Menteri yang juga Putera Mahkota, Mohammad Salman.

“Pada jam 8 malam hari sama sebelum saya berangkat pulang, mereka terus memberikan lampu hijau kepada kita untuk teruskan pelaburan terbabit,” katanya ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perjumpaan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Anwar berkata, beliau begitu kagum dengan tahap kelulusan dilaksanakan kerajaan Arab Saudi yang perlu dicontohi di negara ini.

“Pada jam 9.30 pagi dikemukakan pelaburan, jam 8 malam Perdana Menteri kata, (beri) lampu hijau dan teruskan, sebab itu dari sudut ekonomi, kecekapan dan kepantasan kelulusan menyebabkan negara berkenaan boleh melonjak tinggi.

“Sebab itu saya nak gesa rakan-rakan terutama syarikat (berkaitan) kerajaan dan penjawat awam supaya faham (apa yang perlu dilakukan),” katanya.